

Empat syarikat Jepun minat labur di Malaysia


PETALING JAYA: Empat syarikat Jepun yang tersenarai di Bursa Jepun iaitu Topcon Corporation, Riken Keiki Co Ltd., Nakabayashi Co Ltd. dan Koike-ya Inc. menunjukkan komitmen untuk mengembangkan pelaburan di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Jepun meletakkan kepercayaan kepada Malaysia yang boleh dilihat menerusi penarikan potensi pelabur dengan hubungan kedua-dua negara yang terjalin sejak sekian lama.

“Malaysia hab Topcon Corporation bagi mengawal operasi di rantau Asia,” katanya dalam Facebook beliau semalam.

Perdana Menteri kini dalam rangka lawatan kerja rasmi ke Jepun sehingga 28 Mei ini untuk menunjukkan kepentingan hubungan dua hala antara Malaysia dan negara matahari terbit itu.

Wisma Putra sebelum ini dalam kenyataan memaklumkan, Ismail Sabri dijadual bertemu dengan rakan sejawatan beliau, Fumio Kishida yang



ISMAIL Sabri Yaakob yang dalam rangka lawatan kerja rasmi ke Jepun turut mengadakan pertemuan dengan Lee Hsien Loong di Imperial Hotel di Tokyo semalam. - IHSAN JPM

merupakan pertemuan berse-muka pertama antara kedua-dua pemimpin sejak menyanyan-

dang jawatan pada tahun lalu.

Selain itu, Ismail Sabri memaklumkan dalam program

semalam, beliau telah bertemu dengan wakil-wakil pengurusan tertinggi daripada 14 syarikat dari Jepun yang berpangkalan di Itabashi.

“Menariknya, syarikat-syarikat yang terlibat datang dari pelbagai sektor terutamanya berteknologi tinggi, makanan, jentera, perkhidmatan kesihatan serta teknologi baru.

“Saya harap sesi ekonomi bersama para pelabur seperti ini akan memperkukuh hubungan dagang Malaysia-Jepun seterusnya membuka peluang pekerjaan lebih banyak untuk rakyat Malaysia,” ujar beliau.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan bersama rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong di Imperial Hotel, Tokyo semalam.

Menurut Ismail Sabri, beliau dan Hsien Loong berbincang mengenai pemukiman antara kepimpinan tertinggi Malaysia-Singapura pada akhir September atau awal Oktober ini dengan republik itu akan menjadi tuan rumah kali ini.